

02 MAY 1998

Mahathir-akhbar

MALAYSIA MUNGKIN AMBIL TINDAKAN TERHADAP AKHBAR BRITISH

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini Malaysia mungkin mengambil tindakan terhadap dua akhbar British berhubung dengan laporan yang mendakwa pihak berkuasa Malaysia meracun dan membunuh pendatang tanpa izin Indonesia di kem-kem tahanan.

"Tidak ada kebenaran dalam dakwaan itu. Kita akan kaji apa bentuk tindakan yang kita boleh ambil," katanya apabila diminta mengulas mengenai laporan berkenaan.

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri Hari Kualiti Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan di Jabatan Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata laporan-laporan itu hampir kepada percubaan yang disengajakan untuk menggugat negara ini.

Pihak berkuasa telah mendapati bahawa berita itu jelas dibekalkan oleh salah satu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di negara ini, katanya.

Rabu lepas Dr Mahathir berkata laporan-laporan yang disiarkan oleh akhbar "The Observers" dan "The Independent" tidak berasas dan tidak benar.

Mengenai laporang asing yang mengatakan Malaysia dan Indonesia telah membuat rancangan rahsia untuk menghantar 50,000 pendatang Indonesia pulang, beliau berkata tidak ada yang hendak dirahsiakan mengenai perkara itu.

"Ini bukan rancangan rahsia tetapi rancangan terbuka," katanya dan menambah bahawa Indonesia mempunyai tanggungjawab untuk mengambil balik rakyatnya yang mmasuk ke negara ini tanpa izin kerana mereka ini tidak ada kerja di sini.

"Malahan mereka (Indonesia) menghantar kapal mereka untuk mengambil mereka ini..tidak apa yang hendak disembunyikan.... Thailand juga berbuat begitu. Singapura merotan mereka dulu tetapi tidak ada yang membuat komen.

"Kita tidakpun merotan (mereka)...Saya fikir kita patut rotan...kerana bila kita buat secara baik kita dituduh macam-macam," tambah beliau.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah dituduh menindas dan mengawal akhbar sedangkan syarikat-syarikat media yang besar mempunyai dunia sebagai khalayak mereka.

"Mereka membuat pembohongan..mereka menindas berita-berita mengenai kita ...tetapi mereka masih menuduh kita..masanya telah tiba akhbar kita menceritakan yang sebenarnya mengenai mereka," katanya.

Katanya penapisan, kawalan terhadap akhbar dan penindasan berita diamalkan oleh syarikat-syarikat media besar ini yang telah menguasai akhbar dunia.

Syarikat-syarikat ini menjadi lebih besar dengan membeli lebih banyak lagi akhbar-akhbar dan stesen-stesen TV satelit.

"Mereka ini menguasai media, kita tidak mempunyai akses kepada media mereka...merekalah mengawal akhbar," katanya sambil menambah bahawa kawalan ke atas akhbar seperti itu jelas apabila mereka hanya melaporkan mengenai yang tidak baik mengenai Malaysia dan tidak pernah melaporkan mengenai yang baik mengenai negara ini.

Dr Mahathir berkata sebarang bentuk kawalan (ke atas) akhbar di negara ini adalah untuk kepentingan awam terutamanya berita-berita yang boleh mencetuskan rusuhan. "Selain dari itu anda bebas (untuk membuat laporan apapun)".

"Merekalah (syarikat media asing) yang sebenarnya mengenakan kawalan ke atas akhbar. Cuba tulis satu surat kepada mereka...mereka tidak akan

menyiarkannya," katanya.
-- BERNAMA
AFY SHO WAT